
Gaya struktur batuan Kumpulan Tembeling di Lembah Tekai, Pahang

**IBRAHIM ABDULLAH, KAMAL ROSLAN MOHAMAD, ABDUL RAHIM
SAMSUDIN, AHMAD JANTAN & UYOP SAID**
Jabatan Geologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi

Keseluruhan batuan Kumpulan Tembeling di Lembah Tekai yang terdiri daripada Konglomerat Lanis, Batu Pasir Mangkin dan Syal Termus telah terlipat membentuk siri antiklin dan sinklin dengan tunjaman ke arah sekitar 340° . Antiklin dan sinklin dengan panjang gelombang boleh mencapai 10 km ini ditentukan berdasar kepada taburan litologi dan perubahan arah jurus dan nilai sudut kemiringan. Daripada hubungan batuan ini dengan batuan yang lebih tua serta ketidaksimetrian lipatan, ditafsirkan keseluruhan siri antiklin - sinklin tersebut membentuk satu sinklinorium dengan paksinya terletak selari dengan Sungai Termus - Sungai Senuak yang selari dengan arah paksi lipatan. Bersempena dengan itu struktur itu dinamakan sinklinorium Termus - Senuak. Bahagian paksi sinklin ditempati oleh Syal Termus manakala bahagian rabung antiklin ditempati oleh Batu Pasir Mangkin atau Konglomerat Lanis.

Pada bahagian rabung antiklin didapati banyak lipatan bersais sederhana dengan panjang gelombang sekitar 10 meter dan ada yang mencapai 20 meter. Bahagian palung sinklin pula terutaman berhampiran Sungai Termus terdapat ira sabak yang mewakili ira satah paksi. Di samping lipatan, terdapat bukti batuan Kumpulan Tembeling telah mengalami penyesaran secara mendatar dan penyesaran songsang.